

IM PILIH 22E 8 (e-mel)

>>Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Menggunakan khidmat pemberi maklumat atau tonto masih gagal membantu sindiket memindahkan kayu bernilai RM15,000 apabila ditahan bersama dua lori di Jalan Kuantan-Gambang dan Lebuhraya Tun Razak, di sini, kelmarin.

Pegawai Pejabat Hutan Kuantan, Ismail Talib, berkata selepas melakukan intipan, anggota Bahagian Penguat kuasa Jabatan Perhutanan negeri mengekori dua lori yang masing-masing membawa lima dan tujuh kayu sepanjang bersaiz 4.3 dan 7.3 meter.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati lori tiga dan lima tan metrik itu membawa kayu kempas, keruing dan damar hitam yang dipercayai untuk dihantar ke kilang papan.

Katanya, kakitangan terbabit melakukan intipan lebih lima jam dan berjaya mengekori lori berkenaan sebelum pemandunya menyedari mereka diekori.

"Kita gagal menahan pemandu dan pembantu lori berkenaan apabila mereka melarikan diri sebelum menaiki kenderaan tonto yang berada di simpang empat Lebuhraya Tun Razak.

"Siasatan mendapati dalang yang melakukan aktiviti memindahkan kayu tanpa lesen itu ialah mereka yang sebelum ini pernah terbabit dengan kegiatan itu," katanya.

Beliau berkata, sindiket berkenaan yang bergiat aktif

Dua lori curi balak ditahan

Jabatan Perhutanan Pahang rampas kayu RM15,000



TUMPAS...
anggota penguat kuasa Jabatan Perhutanan Pahang memeriksa lori membawa keluar kayu balak tanpa lesen.

sejak beberapa bulan lalu menjadikan kayu di kawasan hutan simpan Chini dan Ibam sebagai tumpuan kegiatan haram mereka.

Menurutnya, sindiket berkenaan dianggotai lebih 10 ahli dan mereka menggunakan pelbagai helah untuk mengaburi pihak berkuasa yang sentiasa melakukan serbuan bagi memberkas dan

melumpuhkan kegiatan itu.

"Selain mengambil tindakan tegas terhadap individu yang melakukan kesalahan membawa keluar hasil hutan secara haram, kita juga akan menyita kilang papan yang bersubahat.

"Kilang papan yang membeli kayu balak atau kayu bergergaji tanpa lesen akan didakwa mengikut Enakmen

Industri Asas Kayu (EIAK) yang jika sabit kesalahan, kilang berkenaan akan di sita," katanya.

Kata beliau, pihaknya tidak akan berkompromi dengan sebarang pihak yang melakukan kesalahan membawa keluar kayu tanpa permit kerana perbuatan itu menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri.